

Najib tidak terima nasihat - Husni

Oleh **SUWARNI MOKHTAR**

utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Bekas Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah memberitahu mahkamah beliau telah memberi nasihat kepada bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak tentang penubuhan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) tetapi tidak diendahkannya.

Menurutnya, beliau telah membangkitkan isu 1MDB tidak wajar ditubuhkan tanpa kajian kebolehlaksanaan tetapi Najib memberitahu rancangan penubuhan itu akan diteruskan.

“Ini menunjukkan beliau telah membuat keputusan. Saya juga bangkitkan mengenai



NAJIB TUN RAZAK

kerjasama dengan PetroSaudi kerana tiada telaga minyak lagi dan sekiranya tidak ditemukan, ia akan merugikan negara.

“Saya juga memberitahunya 1MDB tidak mempunyai pen-

galaman dalam bidang minyak dan gas jadi lebih elok berikan kepada Petronas yang ada pengalaman. Tetapi lepas itu beliau ‘cakap dengan saya, jangan masuk campur lagi hal 1MDB.

“Ini menunjukkan kuasa ada padanya (Najib). Tiada sebarang perbincangan,” kata saksi pendakwaan ke-20 itu.

Sri Ram: Adakah awak mempunyai kuasa dalam membuat keputusan dalam 1MDB?

Ahmad Husni: Tidak.

Sri Ram: Siapa yang ada kuasa membuat keputusan dalam 1MDB?

Ahmad Husni: Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak.

Ahmad Husni berkata demikian ketika sesi pemeriksaan semula oleh Timbalan Pendakwa

UM - 24/6/2022 w/d: 9

Raya adhoc, Datuk Seri Gopal Sri Ram pada perbicaraan Najib yang didakwa atas 25 pertuduhan menggunakan kedudukannya untuk memperoleh rasuah dan terlibat dalam pengubahan wang haram membabitkan dana syarikat 1MDB berjumlah RM2.3 bilion.

Pada prosiding terdahulu, Ahmad Husni dalam keterangannya menyatakan Najib ‘mengarahkannya’ agar tidak masuk campur dalam hal berkaitan 1MDB ketika beliau memberikan pandangannya mengenai beberapa isu syarikat tersebut.

Berhubung surat peribadi yang dihantar kepada Najib, Ahmad Husni memberitahu, tidak timbul sebarang keraguan surat yang diserahkan kepada Setiausaha sulit bekas Presiden UMNO

itu, Allahyarham Datuk Azlin Alias tidak akan diserahkan kepada Najib.

Ahmad Husni dalam keterangannya sebelum ini menyatakan beliau menghantar surat peribadi kepada Najib bagi menyuarakan kebimbangannya mengenai urusan 1MDB yang dijangka mengundang kontroversi dan boleh menjejaskan kerajaan dan Najib.

Bagaimanapun, Ahmad Husni memberitahu, beliau tidak menerima sebarang maklum balas daripada Najib menyebabkan beliau berpendapat Ahli Parlimen Pekan itu terlibat dengan salah laku kewangan yang berlaku dalam 1MDB.

Perbicaraan berlangsung di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah.